

21 SEP 2001

Sarawak-Mahathir

DR MAHATHIR SERTAI KEMPEN PADA ISNIN

KUCHING, 21 Sept (Bernama) -- Kempen Barisan Nasional dalam pilihanraya Sarawak 27 Sept ini diperhebatkan Isnin ini dengan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini.

Aturcara Perdana Menteri bermula dengan lawatan ke Kampung Semop di Pulau Bruit dalam bahagian Sarikei untuk satu majlis bertemu rakyat.

Pulau Bruit ialah satu daripada kawasan yang diberi tumpuan oleh Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi untuk melaksanakan projek ladang contoh.

Ia sebahagian daripada kawasan Serdeng, kerusi yang dipertahankan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Mohd Asfia Awang Nassar daripada Barisan Nasional, dengan dicabar oleh calon Bebas Abdul Kadir Madahan.

Dr Mahathir kemudian dijadual berucap kepada orang ramai di lapangan terbang Sibu.

Pada petangnya, beliau akan menemui para pemimpin BN negeri di Hotel Merdeka Palace di sini.

Perdana Menteri akan mengakhiri kempenya dengan berucap kepada orang ramai di stadium di Petrajaya.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menemui pengundi di Spaoh dan Bintulu sebelum melawat dua lagi kawasan iaitu Asajaya dan Simunjan untuk berkempen bagi calon-calon BN. Beliau pulang hari ini.

Pemimpin-pemimpin lain yang turut berkempen termasuk Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz, naib presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Salleh Said Keruak.

-- BERNAMA

AU MAI